

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI**  
**[PADANG SERAI]**  
**TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 174**

**Y.B. TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [ PADANG SERAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan terhadap langkah Kerajaan untuk menangani cabaran kelemahan ekonomi Malaysia dan memulihkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Meskipun persekitaran ekonomi dan kewangan global semakin mencabar, ekonomi Malaysia masih kekal berdaya tahan dan kukuh dengan pertumbuhan 4.5% pada suku pertama 2019. Pertumbuhan ini dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta terutamanya aktiviti penggunaan yang meningkat 7.6 peratus. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menerajui pertumbuhan dengan masing-masing berkembang sebanyak 6.4% dan 4.2%.
2. Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh 2019 disokong oleh asas ekonomi yang kekal mampan termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh, kadar inflasi yang rendah, rizab antarabangsa yang tinggi, dan sistem kewangan yang kukuh. Diversifikasi perdagangan yang luas dari segi destinasi dan produk akan menyumbang kepada daya tahan eksport negara. Pada masa sama, kadar pertukaran yang fleksibel berfungsi sebagai penyerap kejutan luaran untuk melindungi aktiviti ekonomi domestik.
3. Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memperkukuhkan asas ekonomi negara. Langkah ini termasuk meningkatkan kecekapan pengurusan fiskal, mempelbagaikan sumber pendapatan Kerajaan, menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik, meningkatkan perdagangan, menaikkan produktiviti, mempergiat inovasi dan penggunaan teknologi, serta meningkatkan potensi ekonomi digital demi memacu pertumbuhan masa hadapan.
4. Usaha ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat global seperti dalam laporan *Ease of Doing Business 2019* oleh Bank Dunia yang mencatatkan peningkatan daya saing Malaysia ke kedudukan ke-15 daripada tempat ke-24 pada 2018.

5. Melangkah ke hadapan, pelbagai inisiatif pembaharuan struktur akan terus dilaksanakan termasuk menangani ketidaksepadanan dalam pasaran buruh, menambah baik kualiti pendidikan dan latihan, mempergiat inovasi dan penggunaan teknologi serta mempelbagaikan lagi produk dan pasaran eksport bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan terus memberi perhatian terhadap dasar mesra perniagaan dan keterbukaan perdagangan, sistem kewangan yang cekap dan urus tadbir korporat yang mantap, infrastruktur yang maju serta kesediaan pelbagai insentif cukai bagi menggalakkan aktiviti pelaburan.